



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA / MEDIA STATEMENT

---

### SIASATAN PENUH TERHADAP PROJEK ADAX

Kementerian Komunikasi dan Multimedia telahpun menerima banyak pertanyaan tentang sebuah projek yang dilaksanakan oleh MDEC yang bertujuan membangunkan ekosistem serta mewujudkan suatu kelompok bakat penting dalam kategori Analitik Data Raya. Projek ini dikenali sebagai ADAX.

Persoalan yang ditimbulkan adalah, antara lain, berkaitan sama ada wujud ataupun tidak percanggahan kepentingan antara pengurus program berkenaan dengan penyedia latihan.

Saya telahpun mengarahkan supaya siasatan penuh dilakukan ekoran kebimbangan yang disuarakan berhubung projek ini. MDEC sedang menjalankan siasatan berhubung perkara ini. Saya dimaklumkan bahawa MDEC telah juga memohon bantuan Jabatan Audit Negara untuk melakukan audit tentang projek itu dan ianya sedang dilaksanakan.

Laporan lengkap tentang projek berkenaan dijangka dikemukakan kepada saya dalam tempoh terdekat.

Buat masa sekarang tiada sangkaan dibuat bahawa sesiapa pun telahpun melakukan sebarang salah laku ataupun kesalahan didalam perkara ini.

Walaupun begitu, saya ingin menegaskan sekali lagi tentang komitmen saya dalam memastikan wujudnya ketelusan dan integriti dalam urusan semua jabatan serta agensi di bawah bidang kuasa kementerian saya. Sekiranya siasatan menunjukkan bahawa

wujud apa jua salah laku atau kekurangan, maka tindakan sewajarnya akan diambil berkenaannya dan terhadap pihak-pihak yang berkaitan selepas itu.

**GOBIND SINGH DEO**  
**Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
**Putrajaya**  
**30 Jun 2018**



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA / MEDIA STATEMENT**

---

### **FULL INVESTIGATION ON ADAX PROJECT**

The Ministry of Communications and Multimedia has received many questions in relation to a project by MDEC that aims to develop the ecosystem and build a critical mass of talent pool in the big Data Analytics category. This project is known as ADAX.

The questions raised relate to, amongst others, whether or not there was a conflict of interest between the program managers and training providers.

I have called for a full investigation into the concerns raised over this project. A probe is currently being undertaken by MDEC into the matter. I am informed that MDEC has further requested the National Audit Department to conduct an audit, which is also currently underway, on the said project.

I expect a complete report on the said project to be presented to me soon.

For now, there is no assumption made that anyone has committed any misconduct nor committed any offence in the matter.

Nevertheless, I wish to reiterate once again my commitment towards ensuring transparency and integrity in all of the departments and agencies under the purview of

my ministry. If this inquiry reveals any wrongdoing or shortcomings, action will be taken to deal with it and those responsible for it thereafter.

**GOBIND SINGH DEO**  
**Minister of Communications and Multimedia Malaysia**  
**Putrajaya**

**30 Jun 2018**